



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 15 /1999**

**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1420/1999 dan 2000 Masehi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis ) Jam 8.00 pagi hingga  
dan hari Sabtu ) 2.00 petang.

2. Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

( ~~DATO PADUKA HAJJ ADNAN BIN BESK DATO HJ MD YUSOF~~ )  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan BA 1000,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: (15)JPM/SK/1999

Tarikh: 25 Rejab 1420  
04 Nobember 1999

AHH/rhh(13)